

TPM hadiri Kursi Kepemimpinan Islam di USIM

SEREMBAN 13 Okt. - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin akan melancarkan Kursi Kepemimpinan Islam, Tuan Guru Haji Mohd. Yassin Muhammad di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Rabu ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Pusat Komunikasi Strategik (Stracomm) USIM di Nilai dekat sini hari ini, pelancaran kursi berkenaan akan dilangsungkan di Dewan Besar USIM.

"Kursi yang ditubuhkan dengan kerjasama Yayasan Nurul Yaqeen dengan Pengerusinya ialah Timbalan Perdana Menteri sendiri, ditempatkan di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM dengan dana permulaan sebanyak RM500,000 untuk tempoh setahun," menurut kenyataan tersebut.